

Kaedah baru pelihara cerita rakyat Sabah

Dalam usaha untuk memelihara cerita rakyat Negeri Sabah, Sekolah Sains Informatik, Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) sedang menjalankan inisiatif memperkenalkan satu kaedah baru untuk mencapai matlamat berkenaan.

Kaedah ini diperkenalkan oleh kumpulan penyelidik dari Labuan Usability Research Group (LURG) yang diketuai oleh Dr. Ag Asri Ag. Ibrahim bersama dua orang pensyarah iaitu

Jonathan Likoh dan Ryan MacDonell Andrias.

Menurut Ag Asri, Inovasi ini diharap akan menjadi rujukan atas talian yang mana cerita rakyat Sabah boleh dikumpul, dipapar dan dikongsi bersama oleh seluruh dunia.

“Secara amnya, teknologi Web 2.0 digunakan dalam inovasi ini untuk menghasilkan penerbitan laman sesawang untuk mengumpul semua informasi atau data yang berkaitan dengan cerita rakyat Sabah. Informasi

itu akan diperakukan oleh orang yang diiktiraf untuk memberikan pengesahan,” katanya.

Beliau berkata cerita-cerita rakyat ini pertama kali telah diperkenalkan oleh William Thomas, seorang Antiquarian English dalam penerbitannya di ‘The London Journal Athenaeum’ pada tahun 1846 yang mana beliau memperkatakan kaitan antara cerita rakyat dengan cerita dongeng.

“Berdasarkan UNESCO (1985), cerita rakyat merupakan satu himpunan

yang mempunyai nilai yang disampaikan secara lisan. Ia juga boleh dalam bentuk bahasa, muzik, tarian, permainan, kraftangan, dan senibina,” jelasnya.

Tambahnya, Sabah amat kaya dengan cerita rakyat dan lagenda dari lebih 30 suku kaumnya. Justeru, fokus utama inovasi ini

adalah untuk memelihara dan mengekalkan kewujudan cerita cerita tradisional rakyat Sabah.

Secara keseluruhannya, objektif inovasi ini adalah untuk memelihara dan


merekod cerita rakyat Sabah bagi mengesahkan ia sebagai harta intelek Negeri Sabah. Selain itu untuk menyediakan sistem pengumpul (termasuk mengumpul, mentranskrip dan mengkatalog data)

cerita rakyat Sabah dengan menggunakan teknologi Web 2.0.

“Inovasi ini secara tidak langsung akan memelihara budaya dan warisan Negeri Sabah dalam bentuk

digital. Seluruh dunia boleh membaca, mendekati dan mengenali lebih dekat tentang cerita-cerita rakyat yang terdapat di Sabah.

“Hasil inovasi ini akan dipertandingkan di Pertandingan Penyelidikan & Rekaipta (PEREKA UMS) yang akan diadakan pada 5 hingga 6 April ini di Dewan Canselor UMS. Di samping itu, kertas kerja yang berkaitan inovasi ini juga akan dibentangkan di Persidangan Antarabangsa ‘International IT & Society Conference 2010(IISC2010)’ yang akan diadakan pada 8 hingga 10 Jun depan di UMS.



DR AG ASRI